



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUM BALAS MEDIA

PINDAAN LAPORAN BERITA DI AKHBAR THE STAR BERTAJUK:

- PSD CANNOT ALLOW TAINTED APPLES TO SPOILS THE BARREL
- CLEANER CIVIL SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin merujuk kepada artikel yang disiarkan oleh akhbar The Star bertajuk '*PSD Cannot Allow Tainted Apples To Spoil The Barrel*' bertarikh 6 Disember 2020 yang menyebut *Public Service Department's (PSD) recruitment protocols, prospective hires have to undergo stringent background screening, including a criminal records check*, manakala, di ruangan *Text Us*, komen bertajuk '*Cleaner Civil Service*' bertarikh 7 Disember 2020 yang menyebut *the call for stringent processes to be used when recruiting civil servants must be supported*.

Ingin diperjelaskan, **JPA** merupakan sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan sumber manusia sektor awam setelah seseorang pegawai itu dilantik ke dalam perkhidmatan awam. Peranan JPA meliputi perkara dasar **perkhidmatan** (seperti latihan, penempatan, pertukaran, tatatertib, kenaikan pangkat), dasar **saraan** (seperti elaun, gaji, kemudahan dan pencen), dan dasar **perjawatan** (seperti bilangan jawatan, skim perkhidmatan dan struktur organisasi).

Manakala, urusan pelantikan pegawai ke dalam perkhidmatan awam adalah di bawah beberapa Pihak Berkuasa Melantik seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) (*Public Services Commission of Malaysia*), Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP), Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera (MAT), badan berkanun persekutuan, pihak berkuasa tempatan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri. Peranan agensi yang melantik ini meliputi **proses pengiklanan, permohonan, temuduga dan pelantikan**. Semua proses itu dilakukan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

Diharap penjelasan mengenai perkara ini dapat memberi gambaran yang jelas kepada pihak akhbar The Star bahawa terdapatnya **perbezaan peranan, fungsi dan tugas JPA dengan Pihak Berkuasa Melantik seperti yang dinyatakan**.

Justeru, siaran artikel yang disiarkan oleh pihak akhbar The Star adalah tidak tepat dan telah memberi pentafsiran yang salah terhadap fungsi serta peranan JPA. Oleh itu, pihak The Star perlu lebih peka dalam mengeluarkan kenyataan. Pihak kami berpandangan pembetulan sewajarnya perlu dilakukan bagi memberikan persepsi yang tepat berhubung perkara ini.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 7 Disember 2020
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (96)